

PerakEXcellent



Program
Amanjaya Gemilang UPSR
TAHUN 2017

MATEMATIK


**PROGRAM AMANJAYA GEMILANG UPSR
TAHUN 2017**



**MODUL Q-Maths (SCORE)
MATEMATIK**

NAMA : _____

TAHUN : _____



**SENARAI NAMA PANEL PENGGUBAL
MODUL Q-Maths (SCORE)**

1. ROHAYA BINTI MEOR AHMAD
PEGAWAI CEMERLANG MATEMATIK (JPN PERAK)
2. HJH. ROHANA BINTI ZAKARIA
SK GOPENG, TMN. GOPENG BARU, GOPENG
3. AZRI BIN OMAR
SK KAMPUNG BAHAGIA, TELUK INTAN.
4. HADIJAH BINTI WAHI
SK BIDOR 2, BIDOR
5. SITI ZALEHA BINTI MOHD NOH
SK KELEBANG JAYA, CHEMOR
6. MIS AINI BINTI SELIMAN
SK SERI SITIAWAN, MANJUNG RAYA, SERI MANJUNG.
7. MASRINA BINTI DAYAT
SK TOH INDERA WANGSA AHMAD, BATU GAJAH
8. MUHAMAD SHAMSUL BIN SAAD
SK CHIKUS, TELUK INTAN
9. AHMAD HARRIS BIN SHAHUDDIN
SK LASAH, SUNGAI SIPUT

PENGENALAN

Modul Q-Maths (SCORE) merupakan hasil usaha kerjasama antara Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Yayasan Perak. Modul ini dibangunkan oleh Guru Cemerlang dan Jurulatih-Jurulatih Utama Matematik Negeri Perak.

Modul ini dibahagikan kepada 5 set soalan kertas 2 berdasarkan format UPSR terkini.. Setiap set mengandungi 15 soalan subjektif. Modul ini juga mengandungi soalan-soalan berunsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Kumpulan sasaran bagi modul ini adalah kumpulan murid cemerlang. Walau bagaimanapun, murid-murid yang dikenal pasti berpotensi cemerlang dan menunjukkan peningkatan prestasi Matematik juga boleh menggunakan modul ini dengan bimbingan Guru Matematik. Di samping itu, murid-murid daripada kategori sederhana dan lemah juga boleh menggunakan modul ini mengikut kesesuaian. Kumpulan murid lemah boleh diberi peluang dan dibimbing oleh guru Matematik untuk menjawab soalan-soalan 1 dan 2 markah. Guru Matematik yang terlibat juga boleh mengubah suai soalan-soalan untuk menguji dan menilai kefahaman murid semasa pengajaran dan pembelajaran.

Murid-murid cemerlang Matematik yang telah menggunakan modul ini juga boleh dijadikan sebagai Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) bagi membantu rakan yang tidak menguasai kemahiran Matematik yang telah diajar.

Modul ini boleh digunakan bagi menguji kumpulan pelajar sebagai pendedahan kepada semua tajuk. Latihan ini dibina dalam bentuk ansur maju di mana 3 set pertama digubal tertumpu kepada gabungan beberapa topik. Sementara set 4 dan set 5 pula digubal merangkumi keseluruhan topik matematik sekolah rendah. Modul ini juga dapat membantu guru bagi mengenalpasti keupayaan dan prestasi murid kumpulan cemerlang sebelum diberi "Mock Test"

Soalan yang dibina merangkumi semua konstruk yang perlu ada di dalam Kertas 2 bagi Format Baharu UPSR Matematik. Konstruk tersebut ialah Memahami dan Mengetahui, Kemahiran Mengira, Mengaplikasi, Menganalisa, Menilai dan Mencipta.

Adalah menjadi harapan agar modul ini dapat digunakan seoptimum mungkin oleh guru Matematik bagi membantu dan memberi pendedahan kepada murid-murid berkaitan kepelbagaian soalan format baharu UPSR Matematik Kertas 2. Semoga dengan pelaksanaan yang mantap oleh guru dan penggunaan modul yang berterusan oleh murid dapat merealisasikan *Perak Excellent* dan meningkatkan pencapaian Matematik iaitu menjadikan negeri Perak sebagai Top 5 dalam UPSR 2017 suatu realiti.

**BORANG REKOD PELAKSANAAN DAN PENGGUNAAN
MODUL Q-Maths (SCORE)
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
TAHUN 2017**

NAMA GURU :

NAMA MURID :

TAHUN :

<i>SET</i>	<i>TARIKH</i>	<i>MARKAH</i>	<i>PENINGKATAN MARKAH</i>
1			
2			
3			
4			
5			

PERINGATAN:

Borang Rekod Pelaksanaan Dan Penggunaan Modul Q-Maths (SCORE) hendaklah diisi oleh murid untuk dipantau oleh guru Matematik berkaitan perkembangan prestasi murid agar bimbingan dapat dilaksanakan bagi membantu murid-murid mengatasi kelemahan dalam menjawab soalan-soalan berformat baru UPSR berdasarkan tajuk-tajuk yang dikenalpasti mendatangkan masalah kepada murid-murid.

- 1 Rajah 1 menunjukkan satu kad nombor.

299 578

Rajah 1


- (a) Bundarkan nombor tersebut kepada ribu terdekat.

[1 markah]

- (b) Nyatakan jawapan (a) dalam perpuluhan juta.

[1 markah]

- 2 Rajah 2 menunjukkan harga sebuah buku yang dibeli oleh Muhaizan.



Rajah 2

Muhaizan membayar buku tersebut dengan sekeping wang kertas RM5, 3 keping wang kertas RM1 dan beberapa keping wang syiling 20 sen. Berapakah bilangan syiling wang 20 sen yang digunakan untuk membeli buku tersebut?

[2 markah]

- 3 Rajah 3 menunjukkan perbualan antara Cikgu Rauf dengan beberapa orang muridnya dalam satu pertandingan lompat jauh.

Safwan : Berapakah jarak lompatan saya cikgu

Cikgu Rauf : Jarak lompatan awak 3.6m

Haziq : Jarak lompatan saya cikgu?

Cikgu Rauf : Jarak lompatan kamu separuh daripada jarak lompatan Safwan.

Hazim : Jarak lompatan saya pula cikgu? Jauh tak?

Cikgu Rauf : Jarak lompatan kamu pula ialah $\frac{3}{4}$ daripada jumlah jarak lompatan Safwan dan Haziq.

Rajah 3

- (a) Hitung jarak lompatan Hazim.

[2 markah]

- (b) Siapakah yang memenangi pertandingan tersebut?

☐

Safwan

☐

Haziq

☐

Hazim

[1 markah]

- 4 Jadual 4 menunjukkan peratus lima jenis pekerjaan penduduk di sebuah kawasan perumahan. Peratusan guru tidak diketahui

Pekerjaan	Peratus (%)
Buruh	35
Petani	25
Pekerja kilang	
Guru	
Lain-lain	10

Jadual 4

Bilangan pekerja di kawasan perumahan tersebut adalah seramai 600 orang.

- (a) Hitung peratus guru di kawasan perumahan tersebut jika bilangan penduduk yang bekerja kilang kurang 10% berbanding penduduk yang bekerja sebagai guru.

[2 markah]

- (b) Berapakah perbezaan bilangan penduduk yang bekerja sebagai buruh dengan bilangan penduduk yang bekerja sebagai pekerja kilang?

[2 markah]

- 5 Jadual 5 menunjukkan bilangan guli dalam dua kotak P dan Q.


Kotak	Bilangan guli
P	300
Q	280

Jadual 5

Rina mengambil sejumlah guli daripada kotak P dan 40% guli daripada kotak Q. Jumlah keseluruhan guli yang telah diambil olehnya ialah 350 biji. Hitung bilangan guli yang telah diambil oleh Rina daripada kotak P.

[3 markah]

- 6 Rajah 6 menunjukkan waktu tamat perniagaan di sebuah kedai buku .



Rajah 6

Maisarah bekerja selama $10\frac{3}{4}$ jam setiap hari. Kedai buku tersebut dibuka pada setiap hari kecuali hari Ahad. Pada hari Sabtu kedai buku tersebut ditutup pada pukul 5.15 petang.

- (a) Nyatakan waktu kedai itu mula beroperasi dalam sistem 24 jam.

[2 markah]

- (b) Hitung tempoh Maisarah bekerja pada hari Jumaat dan Sabtu.

[2 markah]


- 7 Afrina membeli sekeping pizza. Separuh daripada pizza tersebut diberikan sama banyak kepada dua orang adiknya.

- (a) Berapakah pecahan pizza yang diperolehi oleh setiap orang adiknya?

[2 markah]

- (b) Lorekkan pecahan pizza yang diperolehi oleh salah seorang adiknya.

[1 markah]



- 8 Jadual 8 menunjukkan bilangan manik dalam dua buah kotak P, Q. Bilangan manik di dalam kotak R dan S tidak diketahui.

Kotak	Bilangan Manik
P	1 530
Q	150 lebih daripada P
R	
S	

Jadual 8

- (a) Hitung bilangan manik di dalam kotak P dan Q.

[2 markah]

- (b) Jumlah manik di dalam semua kotak tersebut ialah 5 500 biji. Hitung bilangan manik di dalam kotak S jika bilangan manik di dalam kotak R lebih 100 biji berbanding kotak S.

[2 markah]

- 9 Rajah 9 menunjukkan wang saku Intan pada suatu minggu.



Rajah 9

Dia telah membelanjakan 80% daripada wang sakunya pada minggu tersebut.

- (a) Berapalah jumlah perbelanjaannya pada minggu tersebut?

[2 markah]

- (b) Pada minggu berikutnya dia telah menyimpan $\frac{1}{5}$ lebih daripada minggu sebelumnya.

Hitung jumlah wang simpanannya bagi kedua-dua minggu tersebut.

[3 markah]

- 10 Jadual 10 menunjukkan jadual perjalanan sebuah bas.

Ipoh $\longrightarrow$ Kuala Lumpur	
Bas A : 10.40 a.m	Bas C : 1.45 p.m
Bas B : 11.45 a.m	Bas D : 3.45 p.m

Jadual 10

Tempoh perjalanan dari Ipoh ke Kuala Lumpur ialah 3 jam 15 minit. Insyirah akan menghadiri satu temuduga pada jam 2.30 petang.

- (a) Bas manakah yang perlu dinaikinya bagi membolehkan dia menghadiri temuduga tersebut?

[1 markah]

- (b) Dalam perjalanan dari Ipoh ke Kuala Lumpur, bas yang dinaiki oleh Insyirah telah mengalami kerosakan tayar. Pemandu bas tersebut mengambil masa selama $\frac{1}{4}$ jam untuk menukar tayar tersebut.

Pada pukul berapakah Insyirah sampai di Kuala Lumpur?

[3 markah]

- (c) Adakah dia sempat menghadiri temuduga tersebut?

☐


Ya

☐

Tidak

[1 markah]

- 11 Rajah 11 menunjukkan barang yang dibeli oleh Dinie. Harga beg tidak dinyatakan.



Rajah 11

Dinie ada RM120. Dia menggunakan 80% daripada wang tersebut untuk membeli 2 helai baju dan sebuah beg.

- (a) Berapakah harga beg yang telah dibeli oleh Dinie?


[3 markah]

- (b) Dinie telah menggunakan $\frac{7}{10}$ daripada baki wang tersebut untuk membeli sehelai seluar.

Berapakah harga seluar tersebut?

[2 markah]

- 12 Rajah 12 menunjukkan panjang sgulung reben yang dibeli oleh Aishah untuk menghias 8 buah bungkusan.



5 m

Rajah 12

Sebuah bungkusan memerlukan $\frac{2}{5}$ m reben.

- (a) Hitung panjang reben yang telah digunakan oleh Aishah untuk menghias semua bungkusan tersebut. Nyatakan jawapan dalam m dan cm


[2 markah]

- (b) Berapakah bilangan bungkusan lagi yang boleh dihias oleh Aishah menggunakan baki reben tersebut?

[2 markah]

- (c) Lukis pada pembaris, panjang baki reben tersebut.

[1 markah]



- 13 Mirza membeli 5 ikat rambutan. Setiap ikatan mengandungi 100 biji rambutan. 10% rambutan tersebut busuk. Dia telah memberikan $\frac{3}{5}$ daripada rambutan yang elok kepada pakciknya.


(a) Berapakah bilangan rambutan yang diperolehi oleh pakcik Mirza?

[2 markah]


- (b) Mirza telah membahagikan buah rambutan yang masih ada kepada 5 bahagian. Mirza mendapat 3 bahagian manakala 2 orang adik lelakinya berkongsi sama banyak baki rambutan tersebut.

Berapakah bilangan rambutan yang diperolehi oleh setiap adik Mirza?

[3 markah]



- 14 Rajah 14 menunjukkan kedudukan empat buah bandar, M, X, Y dan Z.



Jarak dari M ke Y adalah $10\frac{2}{5}$ km lebih daripada jarak dari M ke X.

Jarak dari M ke Z adalah $\frac{2}{5}$ daripada jumlah jarak dari X ke Y melalui M.

(a) Hitung jarak, dalam km, dari M ke Z.

[3 markah]

(b) Encik Zaki tinggal di Bandar M. Dia telah memandu keretanya dari rumahnya ke Bandar Z dan berpatah balik menuju ke Bandar Y.

Hitung jumlah jarak yang telah dilaluinya sehingga dia sampai semula ke rumahnya dari Bandar M.

[2 markah]

- 15 Jadual 15 menunjukkan harga barangan yang dibeli oleh Wani di sebuah pasaraya.

Barang	Harga seunit	Kuantiti	Jumlah
Pencuci pakaian	RM23.50	1 botol	
Minuman bersusu	RM9.50	3 botol	
Biskut	RM5.00	2 bungkus	

Jadual 15

- (a) Hitungkan jumlah harga pencuci pakaian dan biskut


[2 markah]

- (b) Pasaraya tersebut telah mengadakan promosi bagi minuman bersusu. Dengan setiap pembelian 2 botol susu, pelanggan layak untuk mendapat potongan harga 50% bagi botol ketiga.

Hitung baki wang Wani jika dia membayar dengan 2 keping wang kertas RM50 untuk semua barang yang dibelinya.

[3 markah]

- 1 Rajah 1 menunjukkan suatu urutan nombor.



Rajah 1

- (a) Tandakan [/] pada pola urutan nombor itu.

[1 markah]

☐	Bertambah lima-lima
☐	Bertambah lima puluh-lima puluh
☐	Bertambah seratus seratus



- (b) Apakah nilai P dalam urutan nombor itu ?

[1 markah]

- 2 Rajah 2 menunjukkan masa yang sama bagi dua buah Bandar pada suatu pagi.

Kuala Lumpur, Malaysia

Melbourne, Australia



Rajah 2


- (a) Berapakah perbezaan masa waktu Melbourne mendahului waktu Kuala Lumpur?

[1 markah]

- (b) Siti telah menghubungi anaknya pada pukul 7.00 malam.
Pada pukul berapakah anaknya menerima panggilan telefon beliau di Melbourne?

[1 markah]

- 3 Rajah 3 menunjukkan satu garis nombor.



- (a) Nyatakan nilai P

[1 markah]

- (b) Hitung hasil bahagi nilai P dengan 6.

[2 markah]

- 4 Sejumlah 560 keping kad dikongsi antara Amira, Mia dan Lily. Amira mendapat 120 keping kad manakala Lily mendapat 90 keping kad lebih daripada Mia. Hitung bilangan kad yang diterima oleh Mia.

[3 markah]

- 5 Rajah 4 menunjukkan harga sebuah periuk yang sama jenama di tiga buah kedai yang berlainan

Kedai X	Kedai Y	Kedai Z
RM120 RM80	RM120 Diskaun 20%	RM120 Rebat Tunai RM25

Rajah 5

- (a) Berapakah harga periuk itu selepas rebat tunai di kedai Z ?

[1 markah]

- (b) Puan Chong membeli 2 buah periuk di kedai yang menawarkan harga yang paling murah.

Hitung Jumlah wang yang perlu dibayarnya.

[3 markah]

- 6 Devi mengambil masa 4 jam untuk membuat kerja rumah, mengulang kaji pelajaran dan menonton televisyen. Dia menggunakan $\frac{1}{4}$ daripada tempoh masa itu untuk membuat kerja rumah, $1\frac{3}{4}$ jam untuk mengulang kaji pelajaran dan masa yang selebihnya digunakan untuk menonton televisyen.

- (a) Berapa lamakah Devi membuat kerja rumah?


[1 markah]

- (b) Hitung tempoh masa, dalam minit, yang digunakannya untuk menonton televisyen.

[3 markah]

7

Rajah 7 menunjukkan bilangan guli yang dimiliki oleh Kelvin.



Rajah 7

Kelvin memberi 40% daripada guli itu kepada adiknya dan $\frac{1}{3}$ daripada baki guli itu kepada Wahab.

(a) Hitung bilangan guli yang diterima oleh adik Kevin.

[2 markah]

(b) Kevin menyatakan bahawa bilangan guli yang tinggal kepadanya adalah kurang daripada bilangan guli yang diberi kepada adiknya. Buktikan pernyataan Kevin benar atau salah.

[3 markah]

- 8 Jadual 8 menunjukkan bilangan pen hitam, pen biru dan pen merah di sebuah kedai alat tulis.

Pen	Bilangan
Hitam	600
Biru	150 batang lebih daripada bilangan pen hitam
Merah	Sepuluh daripada jumlah bilangan pen hitam dan pen biru

Jadual 8

- (a) Hitung bilangan pen merah.

[2 markah]

- (b) Harga sebatang pen ialah RM2.50. Dalam suatu bulan tertentu, 25% daripada bilangan pen hitam, 150 batang pen biru dan 80 batang pen merah telah dijual. Hitung jumlah wang yang diperolehi daripada jualan pen itu.

[3 markah]

- 9 Rajah 9 menunjukkan panjang seutas tali.



51.83 m

Rajah 9

- (a) Encik Sariman membeli 10 gulung tali yang sama.
Hitungkan jumlah panjang tali semuanya.

[2 markah]

- (b) Encik Salman memerlukan 72 utas tali yang sama panjang. Setiap bahagian panjangnya adalah 7.3m.
Adakah tali yang dibelinya mencukupi?

[3 markah]

- 10 Rajah 10 menunjukkan satu garis nombor. Nilai R dan nilai S tidak ditunjukkan.



Rajah 10

- (a) Tuliskan nilai bagi R:

[1 markah]

- (b) Tukarkan nilai S kepada nombor bercampur


[1 markah]

- (c) Hitung hasil darab R dan S .

Berikan jawapan kepada 1 tempat perpuluhan.

[2 markah]

- 11 Rajah 11 menunjukkan harga sebuah kereta antik.



RM85 850

Rajah 11


- (a) Jika wang simpanan dalam akaun Encik Iman berjumlah RM60 000.
Berapakah jumlah wang yang diperlukan lagi untuk mendapatkan kereta antik tersebut?

[2 markah]

- (b) Encik Iman membeli kereta tersebut dengan membayar wang pendahuluan sebanyak RM 60 850. Bakinya dibayar secara ansuran melalui pinjaman bank dengan kadar faedah sebanyak 5% setahun selama 5 tahun.
Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar ?

[3 markah]

- 12 Rajah 12 menunjukkan jumlah penduduk Kampung Kenanga dan peratusan penduduk mengikut empat kumpulan.




Rajah 12

- (a) Hitungkan peratusan remaja.


[1 markah]

- (b) Berdasarkan maklumat pada rajah lengkapkan carta palang untuk menunjukkan penduduk Kampung Kenanga mengikut empat kumpulan.

[3 markah]



13. Rajah 13 menunjukkan harga dua jenis barang.



RM850.60

RM6 435.90

Rajah 13

Razi mempunyai 65 keping wang kertas RM100 dan 45 keping wang kertas RM50. Dia hendak membeli barang-barang seperti ditunjukkan.

- (a) Hitungkan wang yang Razi ada.

[2 markah]

- (b) Adakah wang tersebut mencukupi untuk membeli sebuah radio dan sebuah basikal?

[3 markah]

- 14 Tempoh masa perjalanan Hana dari Kuala Lumpur ke Taiping ialah 4 jam 30 minit.
Perjalanan dari Taiping ke rumahnya mengambil masa $\frac{1}{3}$ jam.
Hana tiba di rumahnya pada pukul 3.15 p.m.

(a) Nyatakan waktu Hana tiba di rumahnya dalam sistem 24 jam.


[1 markah]

(b) Nyatakan waktu Hana bertolak dari Kuala Lumpur.

[2 markah]

(c) Sekiranya dalam perjalanan Hana berhenti rehat selama 0.5 jam di Hentian Rehat Tapah, pada pukul berapakah ia akan tiba di rumahnya?

[2 markah]



- 15 Rajah 15 menunjukkan harga asal barangan di sebuah kedai sempena sambutan Hari Pekerja.



Rajah 15

Encik Johari membeli kedua-dua barangan tersebut dan menukar dengan sebuah mesin penapis air lamanya. Dia mendapat rebat sebanyak RM300 dengan pertukaran tersebut dan mendapat diskaun 30% untuk mesin basuh tersebut.


- (a) Hitung harga penapis air yang dibeli oleh Johari.

[1 markah]

- (b) Hitung jumlah penjimatan wang yang diterima olehnya.

[3 markah]

1. Rajah 1 menunjukkan tiga keping kad nombor.



Rajah 1

- (a) Bentuk satu nombor menggunakan nilai digit bagi digit 6 daripada setiap kad nombor di atas.

[1 markah]

- (b) Bundarkan nombor yang diperoleh pada soalan (a) kepada satu tempat perpuluhan

[1 markah]

2. Rajah 2 menunjukkan sebuah segi empat tepat yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Rajah 2


- (a) Tulis pecahan yang mewakili kawasan berlorek daripada keseluruhan rajah.

[1 markah]

- (b) Nyatakan nilai pecahan kepada nombor perpuluhan.

[1 markah]

3. Rajah 3 menunjukkan gred yang diperolehi oleh calon-calon UPSR



Rajah 3

Jumlah keseluruhan calon yang menduduki UPSR ialah 240 orang.

- (a) Berapakah peratusan yang mendapat gred D?

[1 markah]

- (b) Hitung bilangan murid yang mendapat gred A.

[1 markah]

4. Rajah 4 menunjukkan satu garis nombor.



Rajah 4

Hitung nilai $P + Q$.

[2 markah]

5. Jadual 5 menunjukkan jarak lompatan bagi empat peserta dalam acara lompat jauh.

Peserta	Hadijah	Siti Zaleha	Rohana	Masrina
Jarak Lompatan	1.63 m	1.82 m	106 cm	1.33 m

Jadual 5

- (a) Hitung min jarak, dalam m, lompatan setiap peserta.

[2 markah]

- (b) Untuk mewakili sekolah, seorang atlet mesti melepasi jarak 180 cm.
Hitung jarak yang perlu ditambah kepada peserta yang menduduki tempat kedua supaya dia layak mewakili sekolah dalam acara lompat jauh.

[2 markah]


- 6 Rajah 6 menunjukkan barangan yang dibeli oleh Encik Fadzil di sebuah pasaraya.




Rajah 6

Encik Fadzil menyumbang semua barangan yang dibeli kepada empat buah keluarga secara sama banyak.
Lengkapkan carta palang yang mewakili jisim setiap barang yang disumbangkan kepada setiap keluarga.

[3 markah]



7. Rajah 7 menunjukkan empat buah bekas P, Q, R dan S.



Rajah 7

- (a) Susun isi padu air dalam bikar secara tertib menaik.

[1 markah]



- (b) Berapakah jumlah isi padu air yang perlu dituang daripada bikar yang paling banyak ke dalam bikar yang paling sedikit supaya kedua-dua bikar tersebut mempunyai isi padu yang sama?

[2 markah]

- (c) Kesemua isi padu air dituang sama banyak ke dalam 5 buah bekas yang sama dan masih berbaki 0.3 l .

Hitung isi padu air dalam setiap bekas.

[2 markah]

8. Rajah 8 terdiri daripada dua bulatan yang sama saiz. Setiap bulatan dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Bulatan A

Bulatan B

Rajah 8

- (a) Hitung peratus kawasan berlorek bulatan B.

[1 markah]

- (b) Harris melorek 30% lagi bahagian daripada bulatan A dan 50% lagi daripada bulatan B.
Nyatakan pecahan kawasan yang berlorek bagi kedua-dua bulatan tersebut

[3 markah]

- 9 Jadual 9 menunjukkan jisim 2 jenis buah yang dibeli oleh Puan Shila.

Buah	Jisim
Betik	$1\frac{1}{2}$ kg
Mangga	
Jumlah	2.4 kg

Jadual 9

- a) Hitung jisim dalam g, mangga yang dibeli oleh Puan Shila.

[2 markah]

- b) Harga sekilogram betik ialah RM3 manakala mangga pula ialah RM8. Puan Shila membayar dengan 2 keping wang RM10.
Hitung baki wang yang diterima oleh Puan Shila.

[3 markah]

10. Zaquan telah membeli 4 gulung dawai yang sama panjang untuk memagar keliling kebunnya. Jumlah keseluruhan dawai tersebut ialah 120.4 m. Setelah menggunakan semua dawai tersebut, beliau mendapati dawai yang dibelinya itu masih kurang 20% daripada panjang sebenar yang diperlukan olehnya untuk memagar kawasan kebunnya .


- (a) Hitung panjang segulung dawai.

[2 markah]

- (b) Hitung panjang sebenar dawai yang diperlukan oleh Zaquan untuk memagar keseluruhan kawasan kebunnya.

[3 markah]

11. Rajah 11 menunjukkan isi padu air di dalam dua buah bekas.



Rajah 11


- (a) Cari jumlah isi padu, dalam l, air di dalam dua buah bekas itu.

[2 markah]

- (b) Air dalam dua bekas tersebut dituang ke dalam 15 biji gelas. Berapakah isi padu air, dalam ml, air setiap gelas ?


[2 markah]

- 12 Rajah 12 (a) menunjukkan jisim tomato, timun dan sawi yang dibeli oleh Puan Natalia.



Rajah 12 (a)

- (a) Hitung jumlah jisim, dalam kg, bagi semua barang yang dibeli oleh Puan Natalia.
[2 markah]
- (b) Rajah 12 (b) menunjukkan dua bulatan yang dibahagi kepada beberapa bahagian yang sama. Berdasarkan jumlah jisim pada Rajah 12(a) lorekkan pecahan pada rajah 12 (b).
[1 markah]




Rajah 12 (b)

- (c) Puan Natalia telah menggunakan $\frac{1}{4}$ kg timun dalam masakannya.
Hitung jisim, dalam kg, timun yang tinggal.

[2 markah]

13. Rajah 13 (a) menunjukkan isi padu petrol dalam sebuah bekas.



Rajah 13 (a)

$\frac{1}{3}$ daripada petrol itu telah digunakan.

- (a) Hitung baki, dalam ℓ dan $m\ell$, petrol yang tinggal.

[2 markah]

- (b) Rajah 13 (b) menunjukkan jarak antara tiga buah bandar. Jarak bandar Y ke Z tidak dinyatakan.



Rajah 13 (b)

Jarak dari bandar Y ke bandar Z adalah $2\frac{1}{2}$ kali dari jarak bandar X ke bandar Y.


Sebuah kereta memerlukan 8ℓ petrol bagi perjalanan sejauh 96 km.

Adakah 20ℓ petrol mencukupi bagi perjalanan dari bandar X ke bandar Z.

Buktikan.

[3 markah]

14. Rajah 14 menunjukkan jisim sebiji burger. Jisim jeli tidak ditunjukkan.



Rajah 14


Jisim jeli adalah $\frac{1}{5}$ daripada jisim burger.

- (a) Hitung jisim, dalam g, jeli itu.

[2 markah]

- (b) Lukiskan jarum penimbang bagi jisim jeli itu.


[1 markah]



- (c) Nilai kalori sebiji burger dan seketul jeli ialah 317 kalori dan 37 kalori.
Hitung nilai kalori bagi 2 biji burger dan 3 ketul jeli.

[2 markah]

15. Rajah 15 menunjukkan panjang dua utas tali X dan Y yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti ikatan bagi pasukan pengakap. Panjang tali Y tidak di tunjukkan.



Rajah 15

Panjang tali X adalah $1\frac{1}{4}$ kali lebih panjang daripada tali Y.


- (a) Hitung panjang, dalam m, tali Y.

[2 markah]

- (b) Cikgu Samser telah memotong kesemua tali itu kepada beberapa bahagian yang sama panjang. Beliau hendak memberikan kesemua tali yang telah dipotong kepada 30 orang ahli pengakap bagi menghasilkan aktiviti ikatan. Hitung bilangan tali yang akan diterima oleh setiap ahli pengakap dalam cm.

[3 markah]

1. Rajah 1 menunjukkan satu set kad nombor.



Rajah 1


- (a) Nyatakan nombor yang mempunyai nilai terbesar.

[1 markah]

- (b) Bundarkan nombor terkecil kepada perpuluh terdekat.

[1 markah]

2. Rajah 2 menunjukkan sebuah jag penyukat.



Rajah 2

- (a) Nyatakan isipadu dalam ℓ , air dalam rajah.


[1 markah]

- (b) Air itu dituang sama banyak ke dalam empat biji gelas.

Nyatakan isipadu, dalam $m\ell$, air dalam sebiji gelas.

[1 markah]

3. Rajah 3 menunjukkan satu garis nombor. Nilai P dan Q tidak dinyatakan.




Rajah 3

- (a) Hitung hasil tambah P dan Q.


[2 markah]

- (b) Nyatakan satu nombor yang boleh dibundarkan kepada ratus terdekat menjadi jawapan di (a).

[1 markah]



4. Satah Cartes menunjukkan kedudukan empat jenis binatang di dalam zoo.




- (a) Nyatakan koordinat bagi kedudukan kambing.

[1 markah]

- (b) Amirul tidak mahu ketinggalan untuk melihat persembahan gajah di zoo tersebut. Hitung jarak Amirul ke kandang gajah sekiranya dia berada di kandang kambing pada ketika itu.

[2 markah]

5. Rajah 5 menunjukkan jisim dua buah beg sekolah kepunyaan Leong dan Reva pada hari Isnin.



Rajah 5

- (a) Hitung selisih jisim, dalam g, beg mereka.

[2 markah]

- (b) Pada hari Jumaat mereka tidak membawa buku teks Matematik dan Bahasa Inggeris. Jisim beg Leong menjadi 2.62 kg.
Hitung jisim beg Reva pada hari yang sama.

[2 markah]

6. Rajah 6 menunjukkan bilangan bunga yang digunakan untuk menghias pentas.



Tulip
23



Telukis
18



Mawar
20



Anggerik
16


Rajah 6

- a) Lengkapkan jadual dengan gundalan yang betul.

[3 markah]

Bunga	Bilangan
Tulip	//// // // //
Telukis	
Mawar	
Anggerik	

7. Rajah 6 menunjukkan sebuah bekas yang mengandungi kek cawan pelbagai perisa.



Rajah 7

- (a) $\frac{1}{5}$ daripada bilangan kek cawan itu berperisa coklat.

Nyatakan bilangan kek cawan yang berperisa coklat.

[1 markah]

- (b) $\frac{2}{3}$ daripada baki kek cawan itu berperisa strawberi dan vanilla.

Selebihnya berperisa pandan.

Hitung bilangan kek cawan yang berperisa pandan.


[2 markah]

- (c) Bilangan kek cawan berperisa vanilla adalah 22 biji lebih daripada kek cawan berperisa strawberi.

Hitung bilangan kek cawan berperisa vanilla.

[2 markah]

8. Rajah 8 menunjukkan jisim sebungkus kerepek ubi.



Rajah 8

Puan Zaidah membeli 5 paket kerepek seperti dalam rajah.

Beliau membungkus semula kerepek itu ke dalam paket-paket kecil yang berjisim 120 g.

Hitung bilangan paket kecil bagi semua kerepek.

[3 markah]

9. Rajah 9 menunjukkan takwim persekolahan bagi tahun 2017

PENGGAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2017
KUMPULAN B : Sekolah-sekolah di Negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya
TAHUN 2017

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU
1	03.01.2017	31.01.2017	21	
	01.02.2017	28.02.2017	20	
	01.03.2017	17.03.2017	13	
	JUMLAH HARI		-	1
	CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1			
	18.03.2017	26.03.2017	9	
	27.03.2017	31.03.2017	5	
	01.04.2017	30.04.2017	20	
	01.05.2017	26.05.2017	20	
	JUMLAH HARI			2
	CUTI PERTENGAHAN TAHUN			
	27.05.2017	11.06.2017	16	
2	12.06.2017	30.06.2017	15	11
	01.07.2017	31.07.2017	21	
	01.08.2017	25.08.2017	19	
	JUMLAH HARI		55	1
	CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 2			
	26.08.2017	03.09.2017	9	
	04.09.2017	30.09.2017	20	12
	01.10.2017	31.10.2017	22	
	01.11.2017	24.11.2017	18	
	JUMLAH HARI		60	5
	CUTI AKHIR TAHUN			
	25.11.2017	01.01.2018	38	

Rajah 8

<http://www.moe.gov.my/index.php/my/sumber/takwim/takwim-sekolah>

- (a) Hitung jumlah hari persekolahan, dalam minggu dan hari, sepanjang penggal pertama.

[2 markah]

- (b) Sepanjang tahun 2017, jumlah cuti umum ialah 24 hari manakala peperiksaan dijalankan sebanyak tiga kali yang setiap satunya mengambil masa selama empat hari.

Hitung jumlah sebenar hari pembelajaran sepanjang tahun 2017.

[3 markah]

10. Rajah 10 menunjukkan kad cerita.

Bekas R mengandungi sejumlah isipadu air dan bekas S mengandungi 3.6ℓ air. Sebanyak $1\,200\text{ ml}$ air dituang sama banyak ke dalam kedua-dua bekas itu. Isipadu dalam bekas S menjadi tiga kali ganda daripada isipadu dalam bekas R.

Rajah 8


- (a) Hitung isipadu asal bekas R.

[2 markah]

- (b) $1\,400\text{ ml}$ air dituang sama banyak ke dalam bekas R dan S.
Hitung isipadu baru bekas R.

[2 markah]

11. Rajah 11 menunjukkan kajian mengenai bilangan kereta yang melalui Jalan Ipoh dalam tempoh satu jam bermula pada pukul 3.00 petang.



Rajah 11

- (a) Hitung peratus kereta yang paling banyak melalui jalan itu pada waktu tersebut.

[2 markah]

- (b) Dianggarkan bilangan kereta akan meningkat sebanyak 15% pada jam berikutnya.
Hitung jumlah kereta yang akan melalui jalan tersebut dari pukul 3.00 petang hingga pukul 5.00 petang.

[3 markah]

12. Jadual 12 menunjukkan bilangan telefon pintar yang dijual di kedai telekomunikasi Indah.

Jenama	A	B	C
Bilangan	24	36	60


Jadual 12

- (a) Apakah pecahan telefon pintar jenama B daripada keseluruhan bilangan telefon pintar.

[2 markah]

- (b) Lorek dan labelkan carta pai berdasarkan jadual.

[3 markah]



13. Jadual 13 menunjukkan catatan aset dan liabiliti milik Encik Kamarul dan Encik Khairi.

Pendapatan tahunan Encik Kamarul RM60 000		Pendapatan tahunan Encik Khairi RM60 000	
Aset	RM	Aset	RM
Rumah	89 000	Rumah	85 000
Simpanan tetap	25 000	Simpanan Tetap	15 000
Kereta	45 000	Kereta	30 000
Liabiliti	RM	Liabiliti	RM
Pinjaman Perumahan	80 000	Pinjaman Perumahan	70 000
Pinjaman kereta	40 000	Pinjaman kereta	35 000
Pinjaman pelajaran	15 000	Pinjaman pelajaran	25 000
Pinjaman komputer	2 800	Hutang Kad kredit	5 000
JUMLAH LIABILITI	137 800	JUMLAH LIABILITI	135 000

Jadual 13

- (a) Hitung jumlah aset Encik Khairi.

[2 markah]

- (b) Siapakah yang lebih bijak mengurus pendapatan?
Buktikan.

[3 markah]

14. Berikut ialah perbualan dua orang murid.

Adli: Tahniah Chong sebab sampai ke garisan penamat. Awak berjaya menamatkan larian sejauh 4.5 km dengan baik.

Chong: Bagaimana dengan awak?

Adli: Selepas berlari sejauh $\frac{2}{5}$ daripada jumlah jarak larian, kaki saya tercedera. Namun saya meneruskan larian dengan berjalan perlahan-lahan sejauh 360 m daripada jarak yang telah saya lalui sebelum itu. Kemudian saya tidak berdaya dan cikgu membawa saya menaiki kereta sehingga ke garisan penamat


- (a) Hitung jarak larian Adli sebelum kakinya tercedera.

[2 markah]

- (b) Hitung jarak Adli di bawa menaiki kereta sehingga ke garisan penamat.

[3 markah]

15. Rajah 15 (a) menunjukkan sebuah kotak.




Rajah 15 (a)

- (a) Hitung isipadu kotak tersebut.

[1 markah]

- (b) Rajah 10 (b) menunjukkan sebungkus biskut.




Rajah 15 (b)

Berapakah bilangan bungkusan biskut pada rajah 15 (b) yang boleh mengisi $\frac{3}{4}$ daripada isipadu kotak pada rajah 15 (a).

[3 markah]

1. Rajah 1 menunjukkan tiga kad yang sama saiz. Setiap kad dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.




Rajah 1

- (a) Nyatakan pecahan bagi kawasan berlorek.


[1 markah]

- (b) Berdasarkan soalan (a) lorekkan bahagian tambahan supaya jumlah keseluruhan menjadi 3

[1 markah]



2. Rajah 2 menunjukkan carta pai peratusan wang yang diagihkan kepada beberapa orang murid. Jumlah wang ialah RM1 500.



Rajah 2

- (a) Hitung peratusan wang yang diterima oleh Suzi.

[1 markah]

- (b) Hitung beza wang yang diterima oleh Tony dan Bala.

[2 markah]

3. Jadual 3 menunjukkan bilangan wang kertas.

Wang	RM 50	RM20	RM10	RM5
Kuantiti	1	2	1	1


Jadual 3

Fauzi mengambil 1 keping wang RM20 itu. Baki wang dibahagikan antara Mick dan Daud. Daud menerima RM 25 lebih daripada Mick. Hitung jumlah wang yang diterima oleh Daud.

[3 markah]



4. Rajah 4(a) menunjukkan ukuran sehelai permaidani




Rajah 4(a)

- (a) Hitung luas, dalam m^2 , permaidani itu.

[2 markah]

- (b) Rajah 4(b) menunjukkan pelan lantai sebuah pusat sumber.



Rajah 4(b)


Pusat Sumber itu hendak dipasang dengan permaidani. Didapati pusat sumber itu memerlukan 20 helai permaidani.
Buktikan kenyataan itu benar atau salah.

[3 markah]

5. Rajah 5 menunjukkan catatan tempoh masa yang diambil oleh Khadijah untuk membuat sebiji kek.



Penyediaan
Bahan
30 minit



Mengadun
10 minit



Membakar
 $\frac{3}{4}$ minit



Menghias
25 minit

Rajah 5

- (a) Nyatakan tempoh masa, untuk Khadijah membakar kek itu dalam minit.

[1 markah]

- (b) Hitung jumlah masa yang diambil untuk menghasilkan sebiji kek yang lengkap.

[2 markah]

- (c) Sekiranya Khadijah mula membuat kek, 10 minit sebelum pukul 9:45 pagi, pada pukul berapakah dia dapat menyiapkan kek itu?


[2 markah]

6. Sebuah bas bertolak dari Melaka menuju ke Butterworth pada pukul 8:50 a.m. Perjalanan itu dijadualkan mengambil masa $6\frac{1}{4}$ jam. Bas itu berhenti di Hentian Rehat dan Rawat Tapah selama setengah jam.

- (a) Pada pukul berapakah bas itu dijadualkan tiba di Butterworth.
Nyatakan waktu dalam sistem 24 jam.

[2 markah]

- (b) Rajah 6 menunjukkan waktu bas itu tiba di Butterworth



Rajah 6

Hitung beza waktu tiba sebenar dan waktu yang dijadualkan.

[2 markah]

7. Jadual 7 menunjukkan jarak yang diambil untuk kereta berhenti berdasarkan kelajuan yang berbeza.


Kelajuan	Jarak untuk berhenti
30 kmj	3 m
60 kmj	9 m
90 kmj	15 m

Jadual 7

- (a) Hitung min, dalam m jarak untuk berhenti bagi kereta.


[2 markah]

- (b) Lengkapkan carta palang yang mewakili jarak untuk berhenti pada setiap kelajuan.



[2 markah]

8. Rajah 8 menunjukkan isipadu air di dalam bikar X dan Y




Rajah 8

- (a) Hitung jumlah, dalam ℓ , isipadu air dalam bikar X dan bikar Y

[1 markah]

- (b) Kesemua air itu dituang ke dalam tiga buah bekas R, S dan T yang sama saiz.



R


S

T

Hitung isipadu air, dalam $m\ell$, bekas S.

[2 markah]

9. Rajah 9 menunjukkan isipadu air dalam sebuah bikar sebelum dan selepas diletakkan beberapa bongkah kayu berbentuk kubus.



Rajah 9

- (a) Nyatakan isipadu, dalam $m\ell$, air dalam bikar selepas diletakkan beberapa bongkah kayu.

[1 markah]


- (b) Hitung peratusan peningkatan air selepas diletakkan beberapa bongkah kayu.

[2 markah]

- (c) Jisim kesemua bongkah itu ialah 480 gram. Apabila ditambah 2 bongkah kayu yang sama jisim dan saiz ke dalam bikar itu, didapati air di dalam bikar itu melimpah. Buktikan.

[2 markah]

10. Rajah 10 menunjukkan jisim bagi dua kampak tepung.




Rajah 10

- (a) Nyatakan jumlah jisim, dalam kg, jisim kedua-dua kampak tepung itu.

[2 markah]

- (b) Semua tepung di dalam kedua-dua kampak diisi ke dalam balang P, Q dan R. Jisim tepung di dalam balang P adalah 2 kali jisim tepung di dalam balang R.



Hitung jisim tepung, dalam g, balang R.

[2 markah]

11. Jadual 11 menunjukkan hasil kerja seorang murid yang berkenaan ciri-ciri bentuk dua dimensi P, Q, R dan S

Bentuk	Sisi 1	Sisi 2	Sisi 3
P	6 cm	8 cm	10 cm
Q	6 cm	6 cm	6 cm
R	5 cm	12 cm	13 cm
S	8 cm	8 cm	8 cm

Jadual 11


- (a) Yang manakah bentuk segitiga sama sisi.

[1 markah]

- (b) Bentuk P adalah segitiga bersudut tegak.
Hitung luas, dalam cm^2 , bentuk P.


[2 markah]

- (c) Berdasarkan soalan (b) lukiskan sebuah segiempat tepat yang mempunyai luas yang sama.



[2 markah]

12. Rajah 12 menunjukkan tinggi tiga orang murid. Tinggi Amir tidak ditunjukkan.



Rajah 12

- (a) Idham adalah 25 cm lebih rendah daripada Amir.
Berapakah tinggi, dalam m, Amir?

[2 markah]

- (b) Seorang murid yang mempunyai ketinggian 1.54 m menyertai mereka.
Hitung min, dalam m, tinggi mereka.

[2 markah]

- (c) Susun ketinggian empat murid mengikut urutan tertib menaik.

[1 markah]

13. Piktograf menunjukkan bilangan ais krim yang dijual dalam tempoh tiga hari.

HARI	BILANGAN AISKRIM
Jumaat	     
Sabtu	       
Ahad	         



mewakili 60 batang ais krim

- (a) Nyatakan bilangan ais krim yang dijual pada hari Jumaat.

[1 markah]


- (b) Sebanyak 25% daripada jumlah jualan ais krim dibeli orang dewasa.
Hitung bilangan ais krim yang dibeli oleh kanak-kanak.

[2 markah]

- (c) Harga kos sebatang ais krim ialah RM0.80. Sebatang ais krim dijual dengan harga RM1.50.
Hitung beza keuntungan antara jualan ais krim pada hari Sabtu dan Ahad.

[2 markah]

14. Satah Cartes menunjukkan kedudukan A dan B.



- (a) Tuliskan koordinat C pada kedudukan 4 unit mengufuk dan 2 unit mencancang dari koordinat B

[1 markah]

- (b) Berikut adalah perbualan di antara Cikgu Salmi dan Helmi.



Ada 29 hari dalam
bulan Februari
2017 .



Cikgu Salmi


Berdasarkan perbualan itu, tandakan (/) jawapan yang sesuai. [1 markah]

Pasti	
-------	--

Besar Kemungkinan	
----------------------	--

Mustahil	
----------	--

15. Rajah 15 (a) menunjukkan jisim manggis dan ciku.



Rajah 15 (a)

- (a) Hitung jumlah jisim, dalam kg, kedua-dua buah-buahan itu.

[2 markah]

- (b) Rajah 15 (b) menunjukkan jisim bakul A dan bakul B. Jisim bakul A adalah dua kali jisim bakul B. 10% daripada buah-buahan itu telah rosak. Bakinya dimasukkan ke dalam bakul A dan B.



Bakul A

Bakul B

Rajah 15 (b)

- Hitung jumlah jisim, dalam kg, buah dan bakul A..

[3 markah]